



DR. Mahathir Mohamad menerima kehormatan Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano yang tiba untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2004 di Langkawi, semalam. — Gambar Bernama

# 'Saya belajar dari pemimpin hadir LID'

UM - 30/7/2004: 2 Perdana

LANGKAWI 29 Julai — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau banyak belajar daripada pemimpin-pemimpin negara yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) terutama dari bekas Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire yang telah melakukan peralihan kepimpinan dengan lancar dan licin.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau mengikuti langkah Masire yang memutuskan untuk bersara dan memberi jalan kepada pemimpin-pemimpin baru dan tidak banyak pemimpin negara dari rantau-rantau lain bersedia untuk melakukan perkara sama.

"Saya dan Masire telah bersara dan dua lagi pemimpin yang kerap menghadiri LID iaitu Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano dan Presiden Namibia, Dr. Sam Nujoma juga akan bersara pada tahun depan dan memberi jalan kepada pemimpin-pemimpin baru.

"Peralihan kepimpinan dengan lancar dan licin adalah penting kepada negara-negara membangun kerana selalunya agar sukar seseorang pemimpin itu untuk bersara yang menyebabkan tercetusnya masalah dan menjadikan negara tidak stabil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam dalam sesi pertama pertemuan Ketua-

Ketua Negara dan Kerajaan dengan media dalam LID yang akan berlangsung selama tiga hari sehingga Sabtu ini di sini hari ini.

Ini adalah kali pertama Dr. Mahathir hadir di LID sebagai ahli panel.

Antara Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan yang menghadiri LID ialah Raja Swaziland, Raja Mswati III; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano; Perdana Menteri Lesotho, Bethuel Pakalitha Mosisili; Naib Presiden Zambia, Dr. Nevers Sekwila Mumba; Naib Presiden Uganda, Profesor Gillbert Ballbaseka Bukunya; Naib Presiden Afrika Selatan, Jacob G. Zuma dan Masire.

Dr. Mahathir menjelaskan, sesebuah negara agak sukar bergerak ke hadapan sekiranya peralihan kepimpinan tidak dilakukan dengan lancar dan licin terutama apabila pemimpin baru menukar polisi seolah-olah pemimpin lama mengamalkan rasuah.

"Malahan kita juga menyaksikan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di era pemimpin lama di tamatkan serta perjanjian baru dibuat dan kalau ada perubahan pada perjanjian itu ia adalah untuk masa depan bukan untuk menghukum pemimpin lampau.

"Tindakan mengubah perjanjian ini

menyebabkan pelabur-pelabur asing tidak berminat kerana mereka yang melabur di negara tersebut mahukan apabila perjanjian telah ditandatangani itu akan dipatuhi walaupun kerajaan berubah," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, sekiranya peralihan kepimpinan berlangsung dengan lancar dan licin tidak akan berlaku masalah tersebut malahan ia akan menarik lebih banyak pelaburan asing dalam ekonomi dan pembangunan negara.

Beliau juga berkata, LID juga membolehkan beliau mempunyai kawan yang ramai dari negara-negara peserta dan menganggap persahabatan dan mengenali satu sama lain akan menyumbang kepada sesuatu yang lebih baik kepada satu sama lain.

Katanya, LID semakin kukuh dan mula menunjukkan keputusan kerana sesi dialog ini telah membantu negara-negara peserta memahami antara satu sama lain dengan lebih baik dan mengetahui masalah yang dihadapi.

"Pemimpin-pemimpin negara peserta dapat belajar dari satu sama lain bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang ada kerana bukan senang untuk melakukannya," katanya.